

06/09/2002

Panel bincang peranan syarikat IT

CYBERJAYA, Khamis - Mesyuarat keenam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diadakan di sini hari ini membincangkan peranan syarikat teknologi maklumat (IT) dalam merapatkan jurang digital.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ia adalah antara enam perkara yang dibincangkan selain jenayah dan keselamatan siber, memerangi kandungan Internet yang memudaratkan, keusahawanan pasca dotcom, sistem sumber terbuka dan keutamaan maklumat.

"Saya dapati pendapat yang diberi ahli-ahli IAP amat berguna bagi kita. Mereka memberi pendapat, nasihat dan mengemukakan pelbagai idea yang akan menolong kita memajukan lagi MSC," katanya selepas selesai mesyuarat hari pertama itu petang ini.

Seramai 26 peserta daripada 14 anggota IAP dan 12 wakil menghadiri mesyuarat tiga hari di Cyberview Lodge di sini. Mereka membentuk satu kumpulan tokoh dan pakar antarabangsa dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Empat belas anggota IAP yang menghadiri mesyuarat itu ialah pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Acer Group, Datuk Dr Stan Shih; Pengarah Urusan Cutler & Company, Dr Terry Cutler; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Inc, Bob Bishop; William Miller seorang profesor daripada Universiti Stanford Amerika Syarikat.

Penasihat kanan Forum Abad Siber, Duta Diana Lady Dougan; rakan kongsi kanan Sierra Ventures, Dr Gilbert Amelio; Pengerusi lembaga pengarah Infosys Technologies Limited, N R Narayana Murthy; Presiden Heritage Foundation, Dr Edwin Feulner; Pengerusi dan Presiden Madge Networks Ltd, Robert Madge; Pengerusi Emeritus NEC Corporation, Datuk Dr Tadahiro Sekimoto.

Yang lain ialah ketua penyelidik dan pengarah pejabat sains di Sun Microsystems, Dr John Gage; Naib Presiden Eksekutif Ericsson Group, Ragnar Back; Naib Presiden Siemen's dan anggota lembaga pengurusan, Anton Hendrik Schaaf; dan Naib Presiden Eksekutif Oracle Corporation, Derek Williams.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Syarikat yang menghantar wakil masing-masing ke mesyuarat itu ialah Microsoft, Motorola, Alcatel, Electronic Data Systems (HK) Ltd, BT Exact Technologies, DHL Systems, Dell Corporation, Intel Corporation, Fujitsu Limited, NTT Communications, IBM Singapore Pte Ltd dan Bloomberg.

Mesyuarat IAP-MSC edisi keenam diadakan sempena 'Minggu ICT Malaysia 2002'.

Projek MSC adalah wawasan jangka panjang Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia negara maju dan masyarakatnya kaya pengetahuan menjelang 2020.

Mesyuarat pertama MSC-IAP berlangsung di Palo Alto, California pada 1997 dan mesyuarat seterusnya diadakan di sini.